

■ OLAHRAGAWATI JOHOR  
'87...Khadijah bersama  
piala pusingan dan iringan.



SILAT/ Berundur sebab kesihatan

## Negara 'kehilangan' Khadijah Salleh

B. Harian (M)

30 JUN 1988

PEMENANG pingat gangsa Silat Olahraga Sukan SEA Jakarta dan Kejuaraan Sedunia tahun lalu, Khadijah Salleh memutuskan mengundur diri daripada menyertai sebarang pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa atas sebab-sebab kesihatan, lapor MOHD NOOR HASHIM.

Khadijah membuat pengumuman itu selepas dipilih sebagai Olahragawati Johor 87 di Malam Anugerah Sukan Johor di Stadium Tan Sri Haji Hassan Yunus, kelmarin.

"Saya sedih tidak dapat meneruskan khidmat mewakili negeri dan negara dalam pertandingan silat ini. Tetapi keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan memaksa saya berbuat demikian," ujarnya. *Pensir/mur*

Khadijah mengatasi tiga peserta lain laju Salina Kassim (Bola Jaring), Tee Kui Leng (Olahraga) dan Leena Singarajah (Tenis).

Berasal dari Batu Pahat, Khadijah juga berhenti menjadi ahli persatuan seni silat yang dianggotainya sekarang.

Sementara itu, pelari jarak serdahana kebangsaan, Nordin Jadi dipilih sebagai Olahragawan Johor 87 mengatasi enam peserta lain, Yeoh Keon Wah (Tenis), Azmi Abdul Majid (Kriket), Nasir Yusof (Bolasepak), Omar Ali (Tinju), Lim Mui Liang (Ping Pong) dan Soh Jan Sin (Bola Keranjang).

Nordin dan Khadijah, masing-masing, menerima sebuah piala pusingan dan piala iringan serta wang tunai \$1,000.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Haji Ali Hassan dalam ucapan di majlis penyampaian anugerah itu, berkata Majlis Sukan Negeri Johor Darul Takzim (MSN) akan menyediakan \$150,000 untuk menghantar pasukan negeri menyertai pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan dan Sukan Malaysia (Sukma) tahun ini.

Menurutnya, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan sukan termasuk membina Pusat Cemerlang di Johor Bahru.

Pusat Cemerlang berharga \$70,000 itu mengandungi klinik perubatan, gelanggang tinju dan kawasan latihan angkat berat.

Haji Ali berkata, MSNJ akan terus memberikan penghargaan kepada ahli sukan Johor yang pernah mewakili negara tahun 40an, 50an dan 60an.

Seramai 18 bekas ahli sukan Johor menerima penghargaan itu disampaikan oleh Tunku Paduka Putera, Tunku Abdul Majid Ibni Sultan Iskandar.

Mereka ialah Omar Abdul Manap, Billy Ng (bulu tangkis); Haji Abdullah Mohd Don, Zubir Ahmad, Mohd Yusof Abdul Hamid, Ungku Ismail Ungku Abdullah, Radin Ali Haji Mohamad, Haron Yusof dan Mazlan Hamid (Bolasepak); Mazlan Hamzah, V Woodhull (olahraga); Loh Hein, Koo Chin See, Lim Chen Fui, Lim Yew Chin, Tan Yong Bian, Seah Kwang Boon (bola keranjang), R Singarajah (Tenis), M Dennis de Silva (Kriket).